

**PMBOA Minta Kerajaan Perkenal Polisi Pengangkutan Awam Darat Nasional  
Bernama  
7 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kerajaan diminta memperkenalkan polisi pengangkutan awam darat nasional yang bertujuan, antara lain, untuk membantu pengusaha bas ekspres dan henti-henti di negara ini.

Presiden Persatuan Bas SeMalaysia (PMBOA) Datuk Mohamad Ashfar Ali berkata tanpa dasar yang jelas ditambah dengan keadaan kewangan syarikat bas yang lemah, ramai pengusaha bas tidak pasti apa yang perlu dilakukan untuk mempertahankan perniagaan mereka.

"Pengusaha bas kini tidak berani untuk melabur modal tambahan di dalam syarikat tanpa polisi seumpama itu," katanya dalam satu memorandum yang mengandungi 14 cadangan lain untuk dipertimbangkan dalam pembentangan Belanjawan 2013, September ini.

Memorandum itu dihantar 30 Julai lalu ke Kementerian Kewangan untuk perhatian Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Najib Tun Razak. Ia turut dihantar ke Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Mohamad Ashfar berkata sehingga kini rata-rata pengusaha bas tidak pasti sama ada kerajaan mahu mengambil alih operasi perkhidmatan bas atau menyerahkan operasi perkhidmatan itu kepada pihak swasta.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686308>







